

Tindakan ke atas Mohd. Said bergantung siasatan

BH - 11/5/2006
KUALA LUMPUR 10 Mei - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz sekali lagi menegaskan bahawa sebarang tindakan ke atas Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd. Said Yusof bergantung kepada siasatan pihak berkuasa.

Beliau berkata, jika ada pihak membuat aduan mengenai dakwaan salah laku Ahli Parlimen itu kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) atau polis, maka tindakan lanjut atau siasatan akan dilakukan oleh kedua-dua pihak (BPR atau polis).

"Terpulang kepada BPR atau polis untuk lakukan siasatan jika ada pihak yang membuat aduan mengenai perkara ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Khamis lalu, Mohd. Said mengaku bahawa beliau adalah Ahli Parlimen yang dikatakan cuba 'mengganggu' urusan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) pada 14 April lalu berhubung kes rampasan kayu bergergaji di Pelabuhan Sungai Linggi dan Sungai Rambai, Melaka.

Minggu lepas, Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang mengemukakan usul berhubung perkara sama yang meminta laporan akhbar mengenai Ahli Parlimen yang dikatakan mengganggu kerja pegawai kastam dibahaskan serta dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen.

Usul yang ditolak dengan undi majoriti oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) itu turut menyebabkan Datuk Shahrir Abdul Samad melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC).

Bagaimanapun, Mohamed Nazri berkata, isu Mohd. Said itu tidak perlu dirujuk kepada jawatankuasa tersebut.